

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

## Kerajaan sedia RM64 bilion subsidi, insentif

# Kerajaan sedia RM64 bilion subsidi, insentif

Kerajaan menyediakan dana RM64 bilion sepanjang tahun ini dalam bentuk subsidi, bantuan serta insentif.

Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sejumlah besar dana itu bertujuan meminimumkan kos sara hidup melalui kawalan harga barang, bantuan kewangan di samping bertujuan memberi perkhidmatan kepada rakyat terbanyak.

"Dalam menimbang usaha menangani kenaikan kos sara hidup, Kerajaan Perpaduan sudah memperkenalkan Konsep Payung Rahmah sebagai induk kepada usaha membantu golongan susah dan rentan.

"Satunya ialah Inisiatif Menu Rahmah, yang menganjurkan jualan set hidangan pada harga RM5. Inisiatif Menu Rahmah ini dijangka akan terus menerima sambutan yang baik," katanya.

Anwar berkata, kerajaan juga melaksanakan Jualan Rahmah, yang menawarkan barang asas pada harga sehingga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran, dengan penyediaan RM100 juta untuk menajayakan program itu di 222 kawasan Parlimen.

"Kerajaan juga akan mening-



Inisiatif Menu Rahmah yang dilaksana kerajaan antara langkah bagi mengurangkan beban golongan susah dan rentan menghadapi kenaikan harga barang. (Foto hiasan)

katkan peruntukan daripada RM200 juta kepada RM225 juta bagi memperluaskan program pendedaran barangan keperluan asas ke 25 kawasan baharu.

"Antaranya, di Paloh dan Passin di Sarawak, Pasir Raja di Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, isi rumah pendapatan kurang

RM2,500, layak menerima sumbangan sehingga RM2,500 di bawah program Sumbangan Tunai Rahmah (STR), bergantung kepada bilangan anak.

**RM600 untuk penerima STR**  
Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan memberi sumbangan tambahan RM600 kepada isi rumah penerima STR termis-

kin mengikut data e-Kasih, yang disalurkan dalam bentuk baki makanan dan baucar.

"Ini bermakna, keluarga dalam kumpulan miskin tegar layak menerima sumbangan sehingga maksimum RM3,100 bagi setiap isi rumah," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, secara keseturuhan, STR akan membantu meringan-

kan beban sara hidup 8.7 juta penerima, dengan peruntukan hampir RM8 bilion.

Selain itu, Anwar berkata, kerajaan akan menawarkan kredit e-Tunai Belia Rahmah berjumlah RM200 kepada dua juta belia berusia 18 tahun hingga 20 tahun, membatalkan peruntukan RM400 juta.

Di samping itu, Anwar berkata, kerajaan akan menyediakan subsidi yuran taska RM180 sebulan, dengan had kelayakan pendapatan bulanan isi rumah yang layak dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM7,000.

Bagi memperluas akses pendidikan awal kanak-kanak, katanya, kerajaan akan meneruskan pembinaan 80 buah taska dan tabika KEMAS, termasuk 13 projek baharu.

Pada masa sama, katanya, kerajaan menggalakkan majikan menyediakan kemudahan itu di premis masing-masing dan meneliti keperluan untuk mewajibkan perkara itu jika sambutan majikan kurang menggalakkan.

Beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM15 juta sebagai pinjaman mudah bagi membantu pengusaha pusat jagaan kanak-kanak.